

[Malaysia]

Terma dan Syarat Am

TomTom International B.V.

**De Ruijterkade 154, 1011 AC Amsterdam, Belanda,
dan mana-mana sekutu (bersama-sama, “TomTom”)**

Kandungan

1	Skop	3
2	Anda memesan secara langsung daripada TomTom	3
2.1	Cara membuat pesanan.....	3
2.2	Harga dan pembayaran	3
2.3	Penghantaran dan risiko kehilangan	4
3	Hak pembatalan pesanan anda.....	5
4	Akaun anda dan langganan anda	5
4.1	Akaun Anda: pendaftaran dan pengurusan.....	5
4.2	Langganan	6
4.3	Penamatan Akaun dan/atau langganan anda	6
5	Penggunaan anda.....	7
5.1	Hak penggunaan anda.....	7
5.1.1	Perkhidmatan dan Aplikasi	7
5.1.2	Kandungan TomTom	7
5.1.3	Data Pengguna dan Data Sumbangan Pengguna.....	8
5.2	Tanggungjawab dan obligasi penggunaan anda	9
5.2.1	Data Pengguna dan Data Sumbangan Pengguna hak milik anda	9
5.2.2	Sekatan untuk meminda Produk, Perkhidmatan dan Aplikasi	9
5.2.3	Melaporkan dan menahan daripada salah guna.....	9
5.2.4	Penafian Interaksi Pengguna.....	11
5.2.5	Penafian status Atlet Amatur.....	11
5.2.6	Penafian Notis Aktiviti Fizikal	11
5.3	Hak TomTom	12
5.3.1	Komunikasi dan maklumat.....	12
5.3.2	Penamatan dan pengubahan	12

5.3.3 Data Pengguna dan Data Sumbangan Pengguna.....	12
6 Penamatan dan pengehadan sekiranya anda yang melakukan pelanggaran	13
7 Waranti terhad bagi Produk anda	13
7.1 Waranti terhad.....	13
7.2 Perkara yang waranti terhad ini tidak meliputi	14
7.3 Cara membuat tuntutan waranti	14
8 Waranti terhad berhubung Perkhidmatan, Aplikasi, Data Sumbangan Pengguna dan Bahan Pihak Ketiga	14
9 Had liabiliti dan penanggungan kerugian oleh anda	15
9.1 Had liabiliti.....	15
9.2 Penanggungan Ganti Rugi	16
10 Bahan Pihak Ketiga dan Laman Web pihak ketiga	17
11 Force Majeure.....	17
12 Privasi.....	17
13 Hak Pihak Ketiga	18
14 Tukar.....	18
15 Keseluruhan perjanjian	18
16 Kemandirian.....	18
17 Kebolehasingan	19
18 Undang yang mentadbir dan mahkamah yang berwibawa.....	19
19 Terjemahan.....	19
20 Soalan dan aduan.....	19
21 takrifan	20

1 Skop

Terma dan Syarat ini berkuat kuasa:

- i. ke atas sebarang pesanan untuk, pembelian atau bentuk lain untuk memperoleh:
 - Produk dan Perkhidmatan secara langsung melalui TomTom; dan
 - Aplikasi melalui Penjual Semula; dan
- ii. ke atas Akaun anda dan pembuatannya; dan
- iii. ke atas penggunaan dan/atau akses:
 - semua Produk, Perkhidmatan, Aplikasi dan Data Sumbangan Pengguna; dan
 - Peranti Terbina Dalam, melainkan dalam hal terma dan syarat daripada Penjual Semula atau pengilang pihak ketiga Peranti yang Terbina Dalam ini berkuat kuasa; dan
- iv. ke atas muat naik, penggunaan dan/atau mengakses Data Pengguna anda.

Dengan (i) menyerahkan sebarang pesanan untuk, pembelian atau bentuk lain memperoleh Produk, Perkhidmatan, atau Aplikasi, dan melalui (ii) penggunaan, dan/atau mengakses mana-mana Platform, Perkhidmatan, atau Apl dan melalui (iii) pembuatan Akaun, anda menerima dan diikat oleh Terma dan Syarat ini dan sebarang pindaan dan tambahan kepadanya.

Senarai takrifan yang digunakan dalam Terma dan Syarat ini boleh didapati di akhir dokumen ini.

2 Anda memesan secara langsung daripada TomTom

2.1 Cara membuat pesanan

TomTom menawarkan Produk dan Perkhidmatan menerusi Laman Web, Platform dan Apl TomTom. Produk dan Perkhidmatan ini mungkin mengandungi atau terdiri daripada Kandungan TomTom dan Bahan Pihak Ketiga.

Apabila anda ingin membuat pesanan, pembelian atau apa-apa bentuk untuk memperoleh Produk atau Perkhidmatan secara langsung daripada TomTom, anda boleh membuat pesanan melalui Platform, Laman Web atau Apl TomTom.

Sebarang pesanan yang diserahkan tertakluk pada penerimaan oleh TomTom. Sesebuah perjanjian dimuktamadkan setelah TomTom menerima menerusi pengesahan pesanan. TomTom berhak untuk menolak sebarang pesanan sepenuhnya atau sebahagian atau untuk mengenakan amaun pesanan maksimum. Semua pesanan untuk Produk bergantung pada sama ada terdapat stok.

2.2 Harga dan pembayaran

Sesetengah Produk dan Perkhidmatan tertakluk pada pembayaran. Harga yang diisytiharkan bagi Produk dan/atau Perkhidmatan pada Laman Web dan Apl TomTom adalah termasuk VAT dan kos penghantaran standard serta caj pengendalian (jika ada). Anda bertanggungjawab untuk sebarang cukai jualan

setempat, cukai dan levi kerajaan yang lain, jika ada, yang berkaitan dengan pesanan ini. Harga tertakluk pada perubahan pada bila-bila masa (dan tertakluk pada klausa "Penamatan dan pindaan" dalam seksyen "Hak TomTom" dalam bab "Penggunaan Anda" dalam Terma dan Syarat ini) tetapi tidak akan menjejaskan pesanan untuk Produk dan Perkhidmatan sebelum tarikh pertukaran.

Sesetengah Perkhidmatan ditawarkan secara percuma. TomTom berhak untuk menyimpang atau berhenti daripada menawarkan Perkhidmatan berkenaan secara percuma pada bila-bila masa. TomTom akan memaklumkan anda jika sesuatu Perkhidmatan akan ditawarkan dengan bayaran fi tertentu pada masa hadapan. Dalam keadaan seperti ini, anda mungkin memilih untuk sama ada meneruskan penggunaan Perkhidmatan ini oleh anda dengan membayar fi tersebut atau menamatkan penggunaan Perkhidmatan ini.

Semua pesanan hendaklah dibayar menerusi perkhidmatan pembayaran sebagaimana yang disediakan oleh TomTom. Untuk menyerahkan pesanan dan menggunakan perkhidmatan pembayaran tersebut, anda hendaklah memberi butir-butir kaedah pembayaran yang anda utamakan, alamat pengedaran dan penghantaran (jika berkenaan) dan/atau sebarang butir-butir yang diperlukan untuk melengkapkan pesanan berkenaan.

Jika, untuk apa jua sebab, kutipan menerusi perkhidmatan pembayaran berkenaan gagal, TomTom akan menghantar invois kepada anda melalui pos untuk jumlah yang perlu dibayar, yang permbayarannya hendaklah dibuat melalui cek, wang pos atau kad kredit dalam tempoh 15 hari dari tarikh invois berkenaan.

2.3 Penghantaran dan risiko kehilangan

TomTom akan berusaha untuk menghantar Produk dalam tempoh 30 hari dari penerimaan pesanan. Jika berbilang Produk dipesan, TomTom berhak untuk menghantar setiap Produk secara berasingan. Selanjutnya, TomTom berusaha untuk menyediakan Perkhidmatan dalam tempoh 24 jam selepas penerimaan pesanan.

Produk akan dihantar ke alamat penghantaran anda. Perkhidmatan akan boleh dimuat turun atau dihantar dan/atau disediakan kepada anda secara elektronik. Risiko kehilangan atau kerosakan Produk akan berpindah tangan kepada anda pada waktu Produk dihantar kepada anda. Risiko kehilangan atau kerosakan kepada Perkhidmatan akan berpindah tangan kepada anda pada ketika Perkhidmatan sama ada disediakan kepada anda atau dihantar kepada anda secara elektronik.

Jika anda tidak boleh menerima penghantaran Produk, TomTom berhak untuk mengenakan caj kepada anda untuk kos yang munasabah untuk menyimpan produk sehingga penghantaran boleh dibuat.

Jika penghantaran kepada anda gagal atas apa jua sebab di luar kawalan TomTom, TomTom berhak membatalkan perjanjian dan membayar balik sebarang wang yang dibayar.

Jika TomTom tersalah hantar Produk kepada anda atau penghantar dan/atau tersalah menyediakan Perkhidmatan kepada anda, sila hubungi TomTom untuk menerima arahan pemulangan lanjut (e-mel melalui <http://www.tomtom.com/support>).

3 Hak pembatalan pesanan anda

Bagi Produk yang dibeli melalui TomTom, anda berhak untuk membatalkan perjanjian pembelian ini atas apa jua sebab dalam tempoh 14 hari bermula dari tarikh penghantaran ke alamat penghantaran anda. TomTom akan membayar balik harga pembelian dan kos penghantaran asal yang sebenarnya dibayar (melainkan kos tambahan yang terhasil daripada pilihan jenis penghantaran selain jenis penghantaran standard paling murah yang kami tawarkan atau apabila berbilang Produk dipesan dan bukan semua Produk yang dibeli dipulangkan). TomTom akan melakukan pembayaran balik ini dengan menggunakan kaedah pembayaran yang sama seperti yang anda guna untuk transaksi permulaan anda, melainkan anda dengan jelas telah bersetuju sebaliknya.

Untuk melaksanakan hak pembatalan anda, anda hendaklah memaklumkan TomTom mengenai keputusan anda dengan menghubungi TomTom dalam tempoh 14 hari selepas penghantaran dengan menghantar e-mel melalui <http://www.tomtom.com/support> untuk mendapat nombor kelulusan bagi pemulangan pesanan. Selanjutnya, anda hendaklah tanpa berlengah memulangkan Produk, bebas daripada kepentingan, lien, atau tuntutan sebaliknya; ke alamat yang diberi kepada anda oleh TomTom selepas anda memperoleh nombor kelulusan untuk pemulangan.

Jika anda memutuskan untuk membatalkan perjanjian pembelian dan memulangkan Produk kepada TomTom, anda akan bertanggungjawab untuk sebarang penyusutan nilai Produk yang berlaku akibat pengendalian selain daripada yang perlu untuk memastikan sifat, ciri dan fungsi Produk tersebut.

Anda menerima bahawa TomTom boleh mengenakan caj kepada anda untuk sebarang kos penghantaran atau pos yang ditanggung secara langsung yang berkaitan dengan pemulangan Produk berkenaan.

Untuk Perkhidmatan yang diperoleh menerusi TomTom anda bersetuju bahawa pelaksanaan Perkhidmatan oleh TomTom akan bermula dengan serta-merta – atau sekurang-kurangnya secepat mungkin - sebaik sahaja TomTom menerima pesanan anda dan bahawa anda melepaskan hak pembatalan setelah ia dilaksanakan.

Untuk Aplikasi yang diperoleh menerusi TomTom atau Penjual Semula anda bersetuju bahawa pelaksanaan Aplikasi yang anda peroleh akan bermula dengan serta-merta – atau sekurang-kurangnya secepat mungkin - selepas anda memuat turun Aplikasi tersebut dan bahawa anda melepaskan hak pembatalan setelah ia dilaksanakan.

4 Akaun anda dan langganan anda

4.1 Akaun Anda: pendaftaran dan pengurusan

Anda mungkin diperlukan untuk membuat Akaun dan seterusnya log masuk ke Platform yang berkenaan untuk:

- i. memesan sesuatu Produk atau Perkhidmatan;

- ii. akses atau penggunaan Perkhidmatan, Aplikasi dan/atau Data Sumbangan Pengguna (sama ada diperoleh secara langsung melalui TomTom atau melalui Penjual Semula), dan
- iii. dapat memuat naik dan/atau memuat turun Data Pengguna dan/atau Data Sumbangan Pengguna

Tanpa mengambil kira hak anda untuk menggunakan nama samaran (“alias” atau “nama julukan”) apabila membuat sesebuah Akaun, anda bersetuju untuk memberi maklumat yang betul tentang diri anda sewaktu mendaftar. Sila pastikan maklumat Akaun anda terkini dan tukar maklumat Akaun anda dengan segera sekiranya sebarang perubahan yang relevan berlaku.

Perkhidmatan, Aplikasi, dan Data Sumbangan Pengguna bertujuan semata-mata bagi pengguna yang berumur lapan belas (18) tahun ke atas. Anda membuat representasi dan memberi waran bahawa anda berusia 18 tahun atau lebih. Jangan buat Akaun sebagai individu, kumpulan atau entiti lain tanpa persetujuan pihak tersebut, atau menjual atau memindah milik profil atau Akaun anda.

Anda bertanggungjawab dan mempunyai liabiliti ke atas sebarang aktiviti yang berlaku pada atau melalui Akaun anda. Anda bertanggungjawab ke atas nama pengguna anda sendiri dan aktiviti yang berkaitan dengannya. TomTom tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan yang diakibatkan daripada penggunaan tanpa izin Akaun anda, dengan atau tanpa pengetahuan anda.

Anda hendaklah memaklumkan TomTom dengan serta-merta sekiranya anda menyedari sebarang akses atau penggunaan Perkhidmatan, Aplikasi, Data Pengguna dan/atau Data Sumbangan Pengguna oleh pihak ketiga di bawah Akaun anda yang anda tidak izinkan atau sebarang pelanggaran keselamatan yang lain yang mungkin berlaku.

4.2 Langganan

Perkhidmatan boleh ditawarkan secara tunggal atau berdasarkan langganan. Apabila anda mempunyai langganan, Perkhidmatan akan disediakan kepada anda sama ada dari semasa ke semasa atau secara berterusan.

Langganan disertai untuk tempoh masa, yang tidak ditetapkan, melainkan TomTom dan anda telah bersetuju dengan tempoh masa yang tetap.

4.3 Penamatan Akaun dan/atau langganan anda

Sekiranya anda ingin menamatkan Akaun dan/atau langganan anda, anda boleh berbuat demikian dengan menghubungi TomTom menerusi <http://tomtom.com/support> dan membuat pilihan "hubungi kami", dengan mematuhi tempoh notis 30 hari.

TomTom juga boleh menamatkan Akaun dan/atau langganan anda atas sebab-sebab neutral (dan tanpa mengambil kira hak penamatannya di bawah bab “Penamatan dan Pengehadan dalam hal Pelanggaran oleh Anda” dalam Terma dan Syarat ini). TomTom akan sentiasa mencuba untuk memaklumkan anda seboleh mungkin tentang sebarang bakal penamatan, tetapi - dalam apa jua keadaan - akan

memaklumkan anda sekurang-kurangnya (30) hari sebelum penamatan sebenar Akaun anda.

Sekiranya berlaku penamatan Akaun dan/atau langganan anda, anda hendaklah memusnahkan salinan semua Kandungan TomTom dan semua bahagian komponennya.

Selepas penamatan Akaun anda, anda tidak akan mempunyai akses ke mana-mana data termasuk Data Pengguna anda. Anda bertanggungjawab untuk mengeluarkan sebarang Data Pengguna yang anda ingin simpan sebelum penamatan selesai.

Jika langganan anda adalah untuk tempoh masa yang tetap, ia akan berakhir secara automatik apabila tempoh masa tersebut tamat.

5 Penggunaan anda

5.1 Hak penggunaan anda

5.1.1 Perkhidmatan dan Aplikasi

TomTom memberi anda keizinan untuk mengakses dan menggunakan Perkhidmatan dan Aplikasi yang diperoleh secara langsung melalui TomTom atau melalui Penjual Semula menurut Terma dan Syarat ini. Sekiranya sesuatu Perkhidmatan dan/atau Aplikasi dibeli, keizinan untuk mengakses dan menggunakan Perkhidmatan dan/atau Aplikasi berbayar ini akan diberi kepada anda selepas pembelian anda selesai.

5.1.2 Kandungan TomTom

Perkhidmatan dan Aplikasi akan mengandungi Kandungan TomTom. Anda diberi lesen untuk menggunakan Kandungan TomTom yang disediakan kepada anda sebagai sebahagian daripada dan/atau melalui Produk, Perkhidmatan atau Aplikasi anda, berdasarkan terma yang termaktub dalam klausa ini.

Lesen ini tidak eksklusif dan tidak boleh dipindah milik. Lesen ini tidak termasuk sebarang hak untuk mendapatkan naik taraf, kemas kini, tambahan, atau pada masa hadapan, atau sebarang sokongan atau bantuan teknikal yang berkaitan dengan Perkhidmatan, Aplikasi atau Kandungan TomTom, melainkan TomTom telah secara khusus mengisytiharkan bahawa mendapatkan perkara-perkara tersebut adalah sebahagian daripada Produk, Perkhidmatan atau Aplikasi berkenaan.

Jika naik taraf, kemas kini atau tambahan kepada Perkhidmatan, Aplikasi atau Kandungan TomTom diperoleh, penggunaannya dengan itu akan ditadbir oleh Terma dan Syarat ini atau terma dan syarat lain dan boleh jadi tertakluk pada pembayaran tambahan, sebagaimana yang anda akan dimaklumkan dan diminta untuk terima sebelum TomTom membekalkan kepada anda naik taraf, kemas kini atau tambahan.

Di samping itu, perkara berikut berkenaan khususnya kepada Peta TomTom (satu daripada Perkhidmatan TomTom):

- i. berhubung data untuk China: Anda bersetuju bahawa sebarang Perkhidmatan yang mengandungi data China mungkin tertakluk pada terma dan syarat tambahan yang akan disediakan kepada anda apabila tersedia kepada TomTom. Data China tidak boleh dieksport daripada China.
- ii. berhubung data untuk India: Anda bersetuju bahawa sebarang Perkhidmatan yang mengandungi data India mungkin tertakluk pada terma dan syarat tambahan yang akan disediakan kepada anda apabila tersedia kepada TomTom.
- iii. berhubung data untuk Korea Selatan: Anda bersetuju bahawa sebarang Perkhidmatan yang mengandungi data Korea mungkin tertakluk pada terma dan syarat tambahan yang akan disediakan kepada anda apabila tersedia kepada TomTom. Data Korea tidak boleh dieksport daripada Korea Selatan.

5.1.3 Data Pengguna dan Data Sumbangan Pengguna

TomTom memberi anda izin untuk (i) memuat naik, menggunakan dan mengubah suai Data Pengguna, dan (ii) memuat naik dan menggunakan Data Sumbangan Pengguna, kesemuanya menurut Terma dan Syarat ini.

Dengan memuat naik sebarang Data Pengguna, anda akan mengekalkan hak yang anda mungkin ada di dalamnya.

Dengan memuat naik Data Sumbangan Pengguna, anda akan mengekalkan semua hak yang anda mungkin ada dalam data tersebut tetapi anda dengan ini memberi kepada TomTom lesen sedunia, selama-lamanya, tidak boleh dibatalkan, tidak eksklusif, tanpa royalti, boleh dipindah milik untuk menggunakan, memuat naik, mengubah suai, mengedar, memberi sublesen, melakukan kejuruteraan terbalik, menyahkompil atau merungkas dan memaparkan Data Sumbangan Pengguna berkaitan atau pautan kepadanya dalam apa jua bentuk melalui sebarang media.

Jika anda percaya bahawa kerja anda telah disalin secara tidak wajar dan disiarkan pada Perkhidmatan, Aplikasi, atau Laman Web TomTom, sehinggakan ia merangkumi pelanggaran, sila beri kepada kami maklumat berikut: (i) nama, alamat, nombor telefon, alamat e-mel dan tandatangan elektronik atau fizikal pemilik hak cipta atau orang yang diberi kuasa untuk bertindak bagi pihak pemilik hak cipta tersebut; (ii) huraian kerja berhak cipta yang anda tuntutan sebagai telah dilanggar; (3) huraian tentang di mana pada Perkhidmatan, Aplikasi, atau Laman Web TomTom terletaknya bahan yang anda tuntutan sebagai melanggar ini; (iii) pernyataan bertulis bahawa anda percaya dengan berniat baik bahawa penggunaan yang dipertikaikan tersebut adalah tanpa izin pemilik hak cipta berkenaan, ejennya, atau undang-undang; dan (5) pernyataan oleh anda, yang dibuat di bawah penalti sumpah bohong, bahawa maklumat di atas di dalam notis anda adalah tepat dan anda adalah pemilik hakcipta atau diberi kuasa untuk bertindak bagi pihak pemilik hakcipta berkenaan. Keperluan-keperluan ini hendaklah diikuti untuk memberi TomTom notis yang memadai di sisi undang-undang tentang pelanggaran ini. Hantar aduan pelanggaran hak cipta kepada: illegalproduct@tomtom.com

Berhubung Data Sumbangan Pengguna pengguna lain, TomTom memberi anda hak untuk menggunakan dan mengubah suai dan memuat naik Data Sumbangan Pengguna tersebut menurut Terma dan Syarat ini.

5.2 Tanggungjawab dan obligasi penggunaan anda

5.2.1 Data Pengguna dan Data Sumbangan Pengguna hak milik anda

TomTom tidak menuntut sebarang hak milik dalam Data Pengguna atau Data Sumbangan Pengguna. Anda menegaskan dan memberi waranti bahawa anda memiliki atau mempunyai lesen, hak, persetujuan, dan keizinan yang diperlukan untuk memuat naik Data Pengguna dan Data Sumbangan Pengguna dan untuk memberi kepada TomTom kesemua hak yang diberi dalam Terma dan Syarat ini termasuk hak untuk memberi kepada pengguna lain Perkhidmatan, Aplikasi dan Laman Web TomTom keizinan untuk menggunakan dan mengubah suai dan memuat naik Data Sumbangan Pengguna anda menurut Terma dan Syarat ini.

5.2.2 Sekatan untuk meminda Produk, Perkhidmatan dan Aplikasi

Selain daripada sebagaimana yang dibenarkan oleh perundangan yang berkuat kuasa atau yang dibenarkan secara jelas melalui sebarang teknologi atau kaedah yang disediakan oleh TomTom melalui Produk, Perkhidmatan dan Aplikasi, anda tidak akan, dan tidak akan membenarkan mana-mana orang untuk meminda, mengherotkan atau mengubah suai Produk, Perkhidmatan dan Aplikasi atau mana-mana bahagiannya (sama ada diperolehi secara langsung melalui TomTom atau melalui Penjual Semula), untuk menganalisisnya melalui kaedah kejuruteraan terbalik, menyahkompil atau merungkas Produk, Perkhidmatan dan Aplikasi, untuk membuat produk lain yang diterbitkan daripadanya, atau untuk memecahkan atau memintas penyulitan atau untuk membenarkan atau membolehkan pihak ketiga berbuat demikian.

5.2.3 Melaporkan dan menahan daripada salah guna

Harap maklum bahawa TomTom tidak bertanggungjawab untuk memantau secara kerap mana-mana Perkhidmatan, Aplikasi, dan Data Sumbangan Pengguna. Jika anda menyedari apa-apa salah guna Perkhidmatan, Aplikasi atau Data Sumbangan Pengguna oleh mana-mana pengguna, sila lapor salah laku seperti ini kepada TomTom dengan menghubungi sokongan TomTom melalui <http://www.tomtom.com/support>.

Dengan mengakses atau menggunakan Perkhidmatan dan Aplikasi, dan dengan memuat naik atau menggunakan Data Pengguna atau Data Sumbangan Pengguna, anda bersetuju untuk menahan diri daripada sebarang perlakuan yang tidak wajar yang termasuk tetapi tidak terhad pada yang berikut:

- i. Penggunaan dan pembayaran bagi tujuan promosi: Penggunaan Perkhidmatan dan Aplikasi dan/atau Data Pengguna dan Data Sumbangan Pengguna untuk tujuan pengiklanan, promosi, pemasaran dan/atau jualan, menyiarkan permintaan untuk melanggan atau apa jua kandungan komersial lain sekali pun melalui Perkhidmatan dan Aplikasi. Di samping itu, anda juga bersetuju untuk menahan diri daripada mengenakan caj secara langsung atau tidak langsung kepada mana-mana pihak ketiga untuk penggunaan Perkhidmatan dan Aplikasi dan/atau memuat turun Data Sumbangan Pengguna, atau daripada menerima pembayaran daripada pihak ketiga untuk mencapai matlamat ini. Selanjutnya, anda bersetuju untuk menahan diri daripada merangka atau mencerminkan mana-mana Perkhidmatan, Aplikasi atau Data Sumbangan Pengguna;

- ii. Serangan elektronik: mengambil apa-apa tindakan ke atas Perkhidmatan dan Aplikasi yang direka untuk memintas, masuk campur, mengganggu, merosakkan, menyahdaya, membebankan secara berlebihan atau mengehadkan kefungsiannya mana-mana perisian atau perkakasan, peralatan telekomunikasi, teknologi (keselamatan), Perkhidmatan dan Aplikasi. Anda bersetuju untuk tidak menyiarkan Data Pengguna atau Data Sumbangan Pengguna yang mengandungi virus perisian, atur cara atau kod komputer lain. Di samping itu, anda juga bersetuju untuk tidak memuat naik Data Pengguna atau Data Sumbangan Pengguna yang akan melibatkan menghantar atau sebaliknya menyediakan sebarang bahan yang mengandungi virus, kuda Trojan, cecacing, bom masa, atau sebarang perisian lain yang serupa yang boleh merosakkan operasi pelayan, komputer atau rangkaian TomTom, atau Akaun, komputer atau Produk pengguna. Di samping itu, anda juga bersetuju untuk menahan diri daripada menggunakan atau melancarkan mana-mana sistem automatik, termasuk tetapi tidak terhad pada, "robot" dan "lelabah" yang mengakses Perkhidmatan dan Aplikasi dalam cara yang menghantar lebih banyak mesej atau permintaan kepada pelayan TomTom daripada mana-mana pengguna peribadi Perkhidmatan dan Aplikasi yang biasa boleh dijangka dikeluarkan secara munasabah, dalam tempoh masa yang serupa dengan menggunakan sistem konvensional. Di samping itu, anda juga bersetuju untuk menahan diri daripada mencuba untuk mendapatkan akses ke atau mengganggu Akaun, Komputer atau rangkaian pengguna lain tanpa kelulusan;
- iii. Melakukan spam atau mengganggu: menyiarkan sebarang Kandungan Pengguna yang melibatkan penghantaran "mel remeh," "surat berantai," atau mel massa yang tidak diminta atau melakukan "spam";
- iv. Membayangkan penglibatan TomTom: memaparkan Data Sumbangan Pengguna dalam cara yang membayangkan perhubungan atau penggabungan dengan, penajaan, atau pengendorsan Data Sumbangan Pengguna oleh TomTom, yang mengelirukan, menjelikkan, menyalahi undang-undang, memudaratkan, berbelit-belit, menyalahgunakan, bersifat fitnah, lucu, kasar, penuh kebencian, yang melanggar hak mana-mana pihak ketiga, adalah sebaliknya melanggar undang-undang, atau menjejaskan hak harta intelektual TomTom;
- v. Mengelirukan: memuat naik Data Sumbangan Pengguna yang mempromosi maklumat yang anda tahu adalah palsu atau mengelirukan;
- vi. Memudaratkan, melanggar undang-undang atau hak orang lain: menyiarkan sebarang Data Sumbangan Pengguna yang mencabuli atau melanggar hak sesiapa, termasuk hak cipta, tanda dagangan, paten, rahsia perdagangan, privasi, hak publisiti atau hak peribadi atau proprietari yang lain. Di samping itu, anda bersetuju untuk tidak menyiarkan sebarang Data Sumbangan Pengguna, mengambil sebarang tindakan atau menggunakan Perkhidmatan dan Aplikasi dalam cara yang melanggar sebarang undang-undang atau menggalakkan aktiviti yang melanggar undang-undang. Selanjutnya, anda bersetuju untuk tidak menyiarkan kandungan sama ada secara langsung atau tidak langsung atau melalui sesuatu pautan, yang menyalahi undang-undang, menjelikkan, bersifat libel, memfitnah, melanggar, mengapi-apikan, mengabui, tidak tepat, mengelirukan, berniat jahat, menipu, palsu, tidak sopan, memudaratkan, mengganggu, menakutkan, mengancam, penuh kebencian, kesat, kasar, lucu, bersifat pornografi, ganas, eksplisit dari segi

seksual, invasif terhadap privasi, publisiti, harta intelektual, hak proprietari atau kontraktual, menjelikkan dari segi seksual, ras, budaya, atau keetnikan, akan memudaratkan atau mengancam keselamatan orang lain, dengan menggunakan atau menyiarkan maklumat peribadi (termasuk nombor telefon, alamat rumah atau e-mel, nama atau nama keluarga), foto atau imej lain daripada atau yang berkaitan dengan pengguna lain atau pihak ketiga lain tanpa persetujuan mereka secara jelas, atau sebaliknya tidak menyenangkan;

- vii. Mengumpul atau menyiarkan data: sila pastikan anda mengetahui apa maklumat peribadi yang anda kongsi. Anda akan menahan diri daripada memperoleh atau cuba memperoleh data melalui mana-mana Perkhidmatan, Aplikasi atau Data Sumbangan Pengguna melainkan jika TomTom berhasrat untuk menyediakan data tersebut atau menyediakannya kepada anda. Selanjutnya, anda bersetuju untuk tidak memuat naik sebarang Data Sumbangan Pengguna yang mengandungi halaman akses terhad atau dengan kata laluan sahaja atau halaman atau imej tersembunyi;
- viii. Apa-apa penggunaan lain yang menyalahi undang-undang atau tidak dikehendaki : menggunakan Perkhidmatan, Aplikasi dan Data Sumbangan Pengguna dalam cara yang menyalahi undang-undang atau yang melanggar mana-mana Terma dan Syarat ini. Di samping itu, anda juga bersetuju untuk menahan diri daripada melanggar sebarang tatakelakuan atau garis panduan lain yang mungkin berkenaan bagi Perkhidmatan, Aplikasi dan/atau Data Sumbangan Pengguna.

5.2.4 Penafian Interaksi Pengguna

Anda bertanggungjawab secara tunggal untuk interaksi anda dengan orang lain, sama ada dalam talian atau secara peribadi. TomTom tidak bertanggungjawab atau menanggung liabiliti untuk sebarang kerugian atau ganti rugi yang terhasil daripada sebarang interaksi antara pengguna lain, orang yang anda temui melalui Perkhidmatan dan Aplikasi atau orang yang mencari anda disebabkan oleh maklumat yang disiarkan pada, oleh atau melalui Perkhidmatan dan Aplikasi. Anda bersetuju untuk mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah dalam semua interaksi dengan pengguna lain pada Perkhidmatan dan Aplikasi, dan mengendalikan apa-apa siasatan yang perlu sebelum menemui orang lain. TomTom tidak menanggung sebarang obligasi untuk terlibat dalam sebarang pertikaian pengguna, tetapi akan berbuat demikian atas budi bicaranya.

5.2.5 Penafian status Atlet Amatur

Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa penggunaan atau penyertaan oleh anda dalam Perkhidmatan dan Aplikasi tidak menjejaskan kelayakan anda sebagai atlet amatur. Sila rujuk persatuan atlet amatur anda untuk melihat peraturan yang berkenaan bagi anda. TomTom tidak bertanggungjawab atau menanggung liabiliti atas penggunaan Perkhidmatan dan Aplikasi oleh anda yang mengakibatkan anda tidak layak sebagai atlet amatur.

5.2.6 Penafian Notis Aktiviti Fizikal

Perkhidmatan dan Aplikasi boleh termasuk ciri-ciri yang mempromosikan aktiviti fizikal. Pertimbangkan risiko yang terlibat dan rujuk pada profesional perubatan anda sebelum terlibat dalam sebarang aktiviti fizikal atau menggunakan Produk atau

Perkhidmatan TomTom. TomTom tidak bertanggungjawab atau menanggung liabiliti untuk sebarang kecederaan atau kerosakan yang anda mungkin tanggung yang terhasil daripada penggunaan oleh anda, atau ketidakupayaan anda untuk menggunakan, ciri-ciri Produk, Perkhidmatan dan Aplikasi.

5.3 Hak TomTom

5.3.1 Komunikasi dan maklumat

Dengan mewujudkan Akaun, anda bersetuju bahawa TomTom boleh berkomunikasi dengan anda secara elektronik dan bahawa maklumat tertentu mengenai penggunaan Perkhidmatan dan Aplikasi, Data Pengguna dan/atau Data Sumbangan Pengguna mungkin akan dikongsi oleh kami.

5.3.2 Penamatan dan perubahan

TomTom berhak, dengan atau tanpa notis, untuk menghentikan, mengehadkan, meminda, mengemas kini, menaik taraf dan menambah Perkhidmatan, Aplikasi dan Data Sumbangan Pengguna disediakan kepada anda atau dipastikan tersedia kepada anda melalui penggunaan Produk, Perkhidmatan dan Aplikasi (sama ada diperolehi secara langsung melalui TomTom atau melalui Penjual Semula), melainkan penyediaan kemas kini, naik taraf atau tambahan ini membentuk sebahagian daripada Produk, Perkhidmatan dan Aplikasi, sebagaimana yang diisyaratkan oleh TomTom pada masa jualan.

TomTom berhak untuk mengubah harga untuk Perkhidmatan, (sama ada secara tunggal atau berdasarkan langganan) dan Aplikasi, tertakluk pada pemberian notis lebih awal kepada anda secara munasabah sebelum tarikh pertukaran tersebut (sama ada melalui e-mel, Laman Web TomTom, Perkhidmatan, Aplikasi atau yang selainnya). Jika perubahan ini akan menghasilkan harga yang lebih tinggi atau sebaliknya merugikan anda (tetapi bukan jika harga yang lebih tinggi terhasil daripada levi atau cukai kerajaan yang lebih tinggi), anda boleh menamatkan langganan anda sebelum dan berbanding tarikh perubahan tersebut berkuat kuasa dengan menghantar e-mel melalui <http://www.tomtom.com/support>.

5.3.3 Data Pengguna dan Data Sumbangan Pengguna

TomTom boleh, menurut budi bicara tunggalnya, mengumpul dan memproses statistik penggunaan yang berkaitan dengan Data Pengguna dan Data Sumbangan Pengguna untuk menambah baik produk, Perkhidmatan dan/atau Aplikasi, dengan syarat ia telah memperoleh persetujuan yang diperlukan daripada anda.

Berhubung Data Pengguna, sekiranya anda memuat naik data seperti ini, anda memberi kepada TomTom lesen sedunia, berkekalan, tidak boleh dibatalkan, tanpa royalti untuk menggunakan dan menyalin Data Pengguna ini untuk penggunaan sendiri TomTom - tanpa memaparkan Data Pengguna kepada mana-mana pihak ketiga tanpa persetujuan anda - setakat yang penggunaan ini perlu supaya TomTom dapat menyediakan kepada anda Produk yang dipesan dan/atau Perkhidmatan yang diminta.

Berhubung Data Sumbangan Pengguna, anda dengan ini memberi kepada TomTom hak untuk memberi izin kepada pengguna lain untuk menggunakan, mengubah suai

dan memuat naik sebarang Data Sumbangan Pengguna yang anda mungkin muat naik melalui Perkhidmatan dan Aplikasi ini menurut Terma dan Syarat ini.

TomTom boleh menggunakan maklumat ini sebagaimana yang ia rasa patut, di mana-mana jua di dunia, tanpa obligasi pampasan, dan bebas daripada hak moral, harta intelektual dan/atau hak proprietari yang lain dan/atau berhubung maklumat tersebut.

Apabila dimaklumkan bahawa mana-mana Data Sumbangan Pengguna mungkin melanggar mana-mana bahagian Terma dan Syarat ini atau melanggar mana-mana hak pihak ketiga, TomTom boleh mengeluarkan Data Sumbangan Pengguna tersebut tanpa notis terlebih dahulu. TomTom boleh menamatkan akses anda kepada dan penggunaan Perkhidmatan dan Aplikasi kerana memuatkan Data Sumbangan Pengguna berkenaan.

6 Penamatan dan pengehadan sekiranya anda yang melakukan pelanggaran

TomTom berhak menurut budi bicara tunggalnya tanpa prasangka terhadap sebarang hak lain, untuk dengan serta-merta -tanpa perlu memberi sebarang notis tentang kemungkiran dan tanpa liabiliti kepada anda atau sesiapa yang lain - untuk menamatkan Akaun anda dan/atau langganan anda, memadam profil anda dan mana-mana Data Pengguna anda dan/atau Data Sumbangan Pengguna anda, dan mengehadakan penggunaan semua atau mana-mana bahagian Akaun, Perkhidmatan dan Aplikasi anda jika (i) anda gagal mematuhi atau melanggar mana-mana terma yang material dalam Terma dan Syarat ini, (ii) usaha untuk mengutip pembayaran untuk Perkhidmatan dan/atau langganan anda gagal selepas percubaan kedua.

Sekiranya ini berlaku, anda hendaklah memulangkan atau memusnahkan semua salinan Kandungan TomTom dan semua bahagian komponennya.

Selanjutnya, setelah ditamatkan, lesen dan hak yang diberi kepada anda oleh TomTom akan ditamatkan secara serentak.

7 Waranti terhad bagi Produk anda

7.1 Waranti terhad

TomTom menawarkan waranti terhad bahawa Produk ini (sama ada diperolehi secara langsung melalui TomTom atau melalui Penjual Semula) akan bebas daripada kecacatan dalam pertukangan dan bahan di bawah penggunaan biasa bagi tempoh satu (1) tahun dari tarikh Produk tersebut dibeli, atau dari tarikh pembelian sehingga tarikh anda melanggar mana-mana Terma dan Syarat ini, mengikut tempoh mana yang lebih singkat. Sepanjang tempoh ini, Produk akan – menurut budi bicara tunggal TomTom – sama ada dibaiki atau digantikan oleh TomTom tanpa sebarang caj bayaran bagi sama ada alat ganti atau upah pekerja. Di samping itu, TomTom akan bertanggungjawab untuk kos pengangkutan dan/atau penghantaran yang berkaitan dengan pembaikan atau penggantian tersebut. Jika Produk dibaiki selepas

Tempoh ini telah tamat, tempoh untuk membaiki akan tamat enam (6) bulan selepas tarikh pembaikan tersebut. Waranti terhad ini tidak boleh dipindah milik.

7.2 Perkara yang waranti terhad ini tidak meliputi

Waranti terhad ini tidak meliputi ganti rugi yang diakibatkan oleh haus dan lusuh biasa atau disebabkan oleh Produk dibuka atau dibaiki oleh seseorang yang tidak diberi kuasa oleh TomTom, dan tidak meliputi ganti rugi yang disebabkan oleh: salah guna, lembapan, cecair, kehampiran atau pendedahan kepada haba dan kemalangan, salah guna, tidak mematuhi arahan yang disertakan bersama-sama Produk, pengabaian atau salah aplikasi. Waranti terhad ini juga tidak meliputi kerosakan fizikal pada permukaan Produk.

Tambahan pula, waranti terhad ini tidak meliputi sebarang Perkhidmatan, Aplikasi, Data Sumbangan Pengguna atau Bahan Pihak Ketiga yang mungkin disertakan atau dipasang pada Produk atau yang anda peroleh melalui Perkhidmatan, Aplikasi atau Laman Web TomTom. Waranti terhad ini tidak meliputi pemasangan, pengeluaran atau penyelenggaraan Produk atau sebarang kos yang berkaitan dengannya.

TomTom tidak menyediakan sebarang waranti komersil atau waranti lain berhubung Produk di samping waranti terhad yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini. Waranti terhad ini adalah satu-satunya waranti tersurat yang dibuat kepada anda dan disediakan sebagai pengganti sebarang waranti tersurat lain atau obligasi yang serupa (jika ada) yang diwujudkan oleh apa-apa pengiklanan, dokumentasi, pempakejan, atau komunikasi lain.

Peruntukan klausa ini tidak menjejaskan mana-mana had yang sah di sisi undang-undang di bawah perundangan negara wajib yang berkuat kuasa, termasuk tetapi tidak terhad pada jaminan yang sah di sisi undang-undang untuk pematuhan bagi barangan.

7.3 Cara membuat tuntutan waranti

Untuk membuat tuntutan di bawah waranti terhad ini, anda hendaklah memaklumi TomTom tentang kecacatan berkenaan dan menjelaskan kecacatan ini kepada TomTom dengan menghubungi TomTom dalam tempoh waranti 1-tahun melalui <http://www.tomtom.com/support> untuk memperoleh nombor kelulusan bagi pemulangan pesanan anda. Produk ini hendaklah dipulangkan kepada TomTom secepat mungkin selepas anda memaklumkan mereka tentang kecacatan berkenaan, berserta penjelasan tentang kecacatan tersebut dan nombor kelulusan yang diberi kepada anda oleh TomTom, ke alamat yang anda terima sewaktu anda mendapatkan nombor kelulusan untuk pemulangan pesanan anda. Anda hendaklah mematuhi dengan apa-apa prosedur pemulangan lain yang ditetapkan oleh TomTom, jika ada.

8 Waranti terhad berhubung Perkhidmatan, Aplikasi, Data Sumbangan Pengguna dan Bahan Pihak Ketiga

TomTom mungkin bergantung pada pihak ketiga untuk penyediaan sesetengah (sebahagian daripada) Perkhidmatan, Aplikasi dan Data Sumbangan Pengguna.

Anda seharusnya mengetahui secara khusus tentang hakikat bahawa ralat pengiraan boleh berlaku sewaktu menggunakan sistem navigasi atau sewaktu menggunakan, memuat naik dan mengubah suai, sebagai sistem navigasi yang berkenaan seperti yang terhasil daripada keadaan alam sekitar dan/atau data yang salah.

Perkhidmatan, Aplikasi, Data Sumbangan Pengguna dan Bahan Pihak Ketiga disediakan "sebagaimana yang ada" dan tanpa apa jua jenis waranti.

Setakat yang dibenarkan sepenuhnya oleh undang-undang, TomTom tidak membuat sebarang waranti atau representasi - sama ada secara tersurat atau tersirat-berhubung pembelian (sama ada diperoleh secara langsung melalui TomTom atau melalui Penjual Semula), akses dan penggunaan Perkhidmatan, Aplikasi, Data Sumbangan Pengguna atau sebarang Bahan Pihak Ketiga termasuk, tetapi tidak terhad pada (i) betulnya, ralat dan ketepatan (ii) kecukupan, (iii) kebergunaan, kualiti yang memuaskan, dan kesesuaian untuk tujuan tertentu (iv) kebolehpercayaan, kecacatan, operasi dan ketersediaan (v) waranti tersirat bagi hak milik dan tanpa pelanggaran, (vi) kawalan keselamatan, risiko pemintasan maklumat, virus atau sebarang perkara lain yang memudaratkan, (vii) usaha seperti pekerja, sokongan, maklumat atau perkhidmatan, (viii) sifat menjelikkan, mengancam, memfitnah, menyalahi undang-undang atau sebaliknya tidak menyenangkan.

Peruntukan klausa ini tidak menjejaskan mana-mana hak yang sah di sisi undang-undang di bawah perundangan negara wajib yang berkuat kuasa, termasuk tetapi tidak terhad pada sebarang waranti statutori wajib. Jika mana-mana bahagian waranti terhad ini didapati tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, waranti terhad yang selebihnya hendaklah walau bagaimanapun, kekal berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya.

9 Had liabiliti dan penanggungan kerugian oleh anda

9.1 Had liabiliti

Setakat yang dibenarkan sepenuhnya oleh undang-undang yang berkuat kuasa, TomTom mahupun pembekalnya, subkontraktornya, sekutunya, pegawai, pengarah, kakitangan, ejennya tidak akan bertanggungjawab kepada anda atau mana-mana pihak ketiga untuk sebarang ganti rugi sama ada ganti rugi langsung, khusus, sampingan, tidak langsung atau terhasil (termasuk tetapi tidak terhad pada, ganti rugi kerana tidak boleh menggunakan atau mengakses Produk, kehilangan data, kehilangan perniagaan, kehilangan keuntungan, gangguan perniagaan atau yang seumpamanya) yang berbangkit daripada atau berkaitan dengan:

- i. penggunaan, ketidakmampuan untuk menggunakan atau mengakses, atau sebaliknya prestasi sesuatu Produk, Perkhidmatan, Aplikasi, Kandungan Pengguna, Data Pengguna, atau Bahan Pihak Ketiga, meskipun TomTom telah dinasihati tentang kemungkinan kerosakan seperti ini; atau
- ii. perlakuan anda atau perlakuan pengguna lain (sama ada dalam talian atau luar talian) atau kehadiran di acara TomTom atau mana-mana Kandungan Pengguna, meskipun TomTom telah dinasihati tentang kemungkinan kerosakan seperti ini. Anda memikul tanggungjawab sepenuhnya untuk

- penggunaan Perkhidmatan, Aplikasi, Data Pengguna dan Data Sumbangan Pengguna oleh anda; atau
- iii. sebarang representasi salah yang bersifat tipu pada pihak pengguna Perkhidmatan, Aplikasi, dan/atau Data Sumbangan Pengguna; atau
 - iv. sebarang pelanggaran Terma dan Syarat ini; atau
 - v. sebarang undang-undang atau hak mana-mana pihak ketiga.

Selanjutnya, TomTom tidak mengendors mana-mana Data Sumbangan Pengguna atau sebarang pandangan, syor, atau nasihat yang dinyatakan di dalamnya, dan TomTom secara jelas menafikan sebarang dan semua liabiliti berhubung akses anda kepada dan penggunaan Data Sumbangan Pengguna. TomTom cuma bertindak sebagai saluran pasif untuk mengedarkan Kandungan Pengguna dan tidak mengaku janji untuk menanggung sebarang obligasi atau liabiliti yang berkaitan dengan Kandungan Pengguna atau aktiviti pengguna. Meskipun sekiranya TomTom memilih untuk memantau sebarang Data Sumbangan Pengguna, TomTom tidak memikul sebarang tanggungjawab untuk, atau sebarang obligasi untuk memantau atau mengeluarkan, Bahan Pengguna yang sedemikian.

Meskipun begitu, jika TomTom didapati bertanggungjawab kepada anda untuk apa-apa ganti rugi yang dalam apa jua cara pun berkaitan dengan (ketidakmampuan anda untuk) menggunakan dan/atau mengakses atau sebaliknya prestasi sesuatu Produk, Perkhidmatan, Aplikasi, Data Pengguna, Data Sumbangan Pengguna dan/atau mana-mana Bahan Pihak Ketiga, liabiliti TomTom hendaklah (i) dalam hal Produk, Perkhidmatan atau Aplikasi yang telah dibayar hendaklah terhad pada amaun yang sebenarnya telah anda bayar bagi Produk, Perkhidmatan atau Aplikasi berkenaan, dan (ii) dalam hal Perkhidmatan, Aplikasi, Data Pengguna dan Data Sumbangan Pengguna anda yang percuma, hendaklah terhad pada amaun AS \$350.00.

Tanpa mengira apa-apa yang dinyatakan di atas atau apa-apa yang lain yang terkandung dalam Terma dan Syarat ini, tiada sesuatu pun dalam Terma dan Syarat ini mengehendkan liabiliti mana-mana pihak untuk kematian atau kecederaan peribadi yang terhasil daripada pengabaianya sendiri.

Perundangan negara wajib yang berkuat kuasa mungkin tidak membenarkan pengehadan atau pengecualian liabiliti seperti yang ditetapkan dalam Terma dan Syarat ini. Pengehadan liabiliti di atas tidak menjejaskan hak anda di bawah perundangan negara wajib yang berkuat kuasa. Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang hak di bawah perundangan negara wajib yang berkuat kuasa, sila hubungi Persatuan Pengguna negara anda atau pihak berkuasa negara yang berkenaan.

9.2 Penanggung Ganti Rugi

Anda bersetuju untuk menanggung kerugian, mempertahankan, dan memastikan TomTom, sekutunya, pegawai, pengarah, kakitangan, ejen, pemberi lesen dan pembekalnya tidak dimudaratkan dan terhadap semua tuntutan, kerugian, liabiliti, perbelanjaan, ganti rugi dan kos, termasuk, tanpa had, fi guaman yang berbangkit daripada atau berkaitan dalam apa jua cara dengan penggunaan anda dan/atau perlakuan anda berhubung Produk, Perkhidmatan, dan Aplikasi dan/atau Data Sumbangan Pengguna anda dan perlakuan anda berhubung para pengguna lain, atau

sebarang pelanggaran Terma dan Syarat ini, apa-apa undang-undang atau hak mana-mana pihak ketiga.

10 Bahan Pihak Ketiga dan Laman Web pihak ketiga

Produk, Perkhidmatan dan Aplikasi mungkin menggunakan Bahan Pihak Ketiga. Pengguna Bahan Pihak Ketiga yang disertakan dalam Produk, Perkhidmatan and Aplikasi mungkin tertakluk pada terma dan syarat lain. Notis hakcipta rasmi dan syarat lesen khusus bagi Bahan Pihak Ketiga ini boleh didapati di atau melalui laman web kami <http://www.tomtom.com/legal>.

Anda adalah dengan ini bersetuju bahawa penyerahan sebarang pesanan mengisytiharkan bahawa anda telah membaca dan menerima terma dan syarat bagi mana-mana Bahan Pihak Ketiga yang disertakan dalam Produk, Perkhidmatan atau Aplikasi yang dipesan, jika ada.

Di mana TomTom menyediakan pautan dan/atau akses ke laman web pihak ketiga dan/atau Bahan Pihak Ketiga, ia hanya untuk kemudahan anda, dan penyertaan sebarang pautan atau akses tidak mengisytiharkan pengendorsan laman pihak ketiga, atau Bahan Pihak Ketiga tersebut, oleh TomTom. TomTom tidak bertanggungjawab bagi Bahan Pihak Ketiga dan kandungan laman web, perkhidmatan atau kefungsiannya pihak ketiga, sebarang pautan yang terkandung dalam laman web atau perkhidmatan pihak ketiga, atau sebarang perubahan atau kemas kini kepada laman web atau perkhidmatan pihak ketiga.

11 Force Majeure

Force majeure bermaksud keadaan yang menghalang pemenuhan obligasi TomTom di bawah Terma dan Syarat ini yang bukan dalam kawalan munasabah TomTom, termasuk penghantaran lewat dan/atau tertunda dan penghantaran yang tidak lengkap oleh TomTom dan ketidaksediaan sementara atau sebahagian Akaun, Perkhidmatan, Aplikasi, Data Pengguna dan/atau Data Sumbangan Pengguna yang disebabkan oleh keadaan yang di luar kawalan munasabah TomTom. Dalam situasi force majeure semua obligasi TomTom adalah digantung. Sekiranya tempoh yang TomTom tidak dapat memenuhi obligasinya hasil daripada force majeure berterusan sehingga lebih daripada sembilan puluh (90) hari kalendar, kedua-dua pihak hendaklah berhak untuk membubarkan perjanjian pembelian secara bertulis dan TomTom hendaklah berhak untuk membubarkan perjanjian untuk Perkhidmatan atau Aplikasi tersebut tanpa terdapat obligasi untuk membayar apa-apa pampasan sekali pun yang berpunca daripada atau berhubung dengan pembubaran itu.

12 Privasi

Untuk menyampaikan Produk dan Perkhidmatan kepada anda, TomTom perlu menggunakan maklumat peribadi mengenai anda. TomTom mematuhi undang-undang privasi dan perlindungan data Kesatuan Eropah dan tempatan yang lain. Berdasarkan ini, TomTom akan hanya menggunakan maklumat anda bagi tujuan

dan tempoh ia memperolehnya. Anda boleh mendapati pernyataan privasi kami yang berkuat kuasa di www.tomtom.com/privacy

13 Hak Pihak Ketiga

Pihak ketiga tiada hak di bawah perundangan yang berkuat kuasa untuk bergantung pada atau menguatkuasakan sebarang terma dalam Terma dan Syarat ini tetapi itu tidak menjejaskan sebarang hak atau remedi pihak ketiga yang wujud atau tersedia selain daripada perundangan yang berkuat kuasa yang berkenaan.

14 Tukar

TomTom berhak untuk membuat pindaan atau tambahan kepada Terma dan Syarat ini pada bila-bila masa. Anda boleh mendapati versi yang paling terkini pada Laman Web TomTom. Sila semak Laman Web TomTom dari semasa ke semasa

15 Keseluruhan perjanjian

Terma dan Syarat ini (termasuk sebarang adendum atau pindaan kepadanya yang disertakan dalam pakej Produk), dan sebarang terma dan syarat lain, jika berkenaan, adalah keseluruhan perjanjian antara anda dengan TomTom yang berhubung dengan Produk termasuk perkhidmatan sokongan (jika ada), Perkhidmatan, Aplikasi, Data Sumbangan Pengguna, dan/atau Data Pengguna dan ia menggantikan semua komunikasi, cadangan dan representasi lisan atau bertulis yang terdahulu atau semasa, berhubung perisian ini atau sebarang perkara hal lain yang diliputi oleh Terma dan Syarat ini. Setakat yang terma mana-mana dasar atau program TomTom bagi perkhidmatan sokongan bercanggah dengan terma dalam Terma dan Syarat ini, terma dalam Terma dan Syarat ini hendaklah berkuat kuasa. Jika mana-mana peruntukan Terma dan Syarat ini didapati batal, tidak sah, tidak boleh dikuatkuasakan, atau menyalahi undang-undang, peruntukan lain hendaklah terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya.

16 Kemandirian

Sebarang peruntukan dalam Terma dan Syarat ini mengikut sifatnya diperluaskan melampaui penamatan atau tamat tempoh sebarang jualan atau lesen Akaun, Perkhidmatan, Aplikasi, Data Pengguna, dan Data Sumbangan Pengguna akan kekal berterusan selepas penamatan Terma dan Syarat ini.

Ini termasuk tetapi tidak terhad pada lesen TomTom untuk menggunakan, mengubah suai, mengedarkan, memberi sublesen, melakukan kejuruteraan terbalik, menyahkompil atau merungkas dan memaparkan Data Sumbangan pengguna yang dijana oleh anda

17 Kebolehasingan

Jika mana-mana peruntukan Terma dan Syarat ini didapati batal, tidak sah, tidak boleh dikuatkuasakan, atau menyalahi undang-undang, peruntukan lain hendaklah terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya. Sekiranya berlaku sebarang peruntukan yang tidak sah seperti ini, TomTom akan menampilkan terma dan syarat baru sebagai menggantikan peruntukan yang tidak sah tersebut. Terma dan syarat baharu ini hendaklah ditafsirkan, bagi kandungan dan kesannya, sehampir mungkin dengan teks asal sebagaimana yang ditulis tetapi dalam cara yang hak sesungguhnya boleh diperoleh daripadanya.

18 Undang yang mentadbir dan mahkamah yang berwibawa

Terma dan Syarat ini dan sebarang pertikaian berhubung Terma dan Syarat ini atau yang berhubung dengan pembelian dan penggunaan Produk, Perkhidmatan, Aplikasi, Data Pengguna, Data Sumbangan Pengguna atau sebaliknya, adalah tertakluk pada undang-undang Malaysia. Konvensyen Bangsa-bangsa Bersatu berhubung Kontrak bagi Jualan Barangan Antarabangsa adalah dengan ini dikecualikan daripada penguatkuasaan Terma dan Syarat ini.

Mahkamah Kuala Lumpur, Malaysia hendaklah mempunyai bidang kuasa eksklusif untuk menyelesaikan sebarang pertikaian atau tuntutan yang berbangkit daripada atau berhubung Terma dan Syarat ini (termasuk sebarang pertikaian atau tuntutan bukan kontraktual). Klausula ini tidak akan menjejaskan hak anda di bawah undang-undang setempat yang wajib, termasuk hak, di mana berkenaan, untuk membawa sebarang pertikaian atau tuntutan yang berbangkit daripada atau berhubung Terma dan Syarat ini dalam mahkamah dalam bidang kuasa setempat anda atau dalam mahkamah lain yang mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan pertikaian berkenaan

19 Terjemahan

Versi Bahasa Malaysia terma dan syarat ini adalah versi yang berkuat kuasa bagi pembelian anda. Sebarang terjemahan disediakan untuk kemudahan anda sahaja.

20 Soalan dan aduan

Sekiranya anda ada sebarang soalan, cadangan atau aduan mengenai pesanan anda, pembelian anda, Terma dan Syarat ini atau anda ingin menghubungi TomTom atas apa jua sebab, sila berbuat demikian dengan menghantar e-mel melalui <http://www.tomtom.com/support>. TomTom akan memberi perhatian yang teliti kepada e-mel anda dan akan memproses sebarang aduan secepat mungkin dan akan menghantar kepada anda balasan dalam tempoh satu (1) minggu.

21 takrifan

Akaun: akaun TomTom anda yang dibuat melalui sesuatu Platform atau Aplikasi.

Aplikasi: sebarang aplikasi mudah alih yang dibangunkan oleh TomTom, boleh dimuat turun melalui Penjual Semula.

Peranti Terbina dalam: sebarang Produk yang terbina dalam sesebuah kenderaan dan dijual melalui pihak ketiga kepada anda.

Platform: sebarang platform yang disediakan oleh TomTom yang melaluinya anda boleh menerima Perkhidmatan. Platform tersebut termasuk, tetapi tidak terhad pada:

- TomTom MyDrive
- Laman Utama TomTom
- MyTomTom
- TomTom MySports
- Forum Perbincangan
- dan sebarang platform dalam talian yang lain

Produk: sebarang perkakasan, item dan aksesori, termasuk tetapi tidak terhad pada:

- Semua peranti navigasi(tidak termasuk Peranti Terbina Dalam)
- Peranti sukan
- Item dan aksesori yang disertakan

Penjual semula: sebarang Produk dalam talian atau penjualan luar talian oleh penjual semula, Peranti Terbina Dalam, Perkhidmatan dan Aplikasi termasuk tetapi tidak terhad pada pengedar (kereta) dan kedai aplikasi pihak ketiga.

Perkhidmatan: sebarang perkhidmatan berbayar atau percuma yang disediakan oleh TomTom, secara elektronik, sama ada melalui langganan, secara berterusan atau secara tunggal, termasuk tetapi tidak terhad pada:

- peta (sama ada dipasang dahulu atau dimuat turun)
- maklumat kamera keselamatan
- maklumat lalu lintas
- tempat menarik
- Maklumat cuaca
- maklumat harga bahan api
- suara
- Kandungan TomTom
- Platform

Terma dan Syarat: Terma dan Syarat am TomTom International B.V., sebuah syarikat persendirian dengan pejabat korporatnya di Amsterdam, alamat berdaftar di De Ruijterkade 154 (1011 AC) Amsterdam, Belanda dan berdaftar dalam daftar perdagangan Dewan Perdagangan di Belanda di bawah nombor 34076599, dan memegang nombor VAT NL 8007.65.679.B.01.

Bahan Pihak Ketiga: kandungan, kod perisian, data, maklumat, kefungisian, kandungan lain dan algoritma berlesen atau sebaliknya disediakan oleh orang lain daripada TomTom.

Kandungan TomTom: semua maklumat, teks, fail, skrip, grafik, foto, bunyi, muzik, video, ciri-ciri interaktif, kefungisian atau bahan serupa yang lain, yang disediakan oleh TomTom.

Laman Web TomTom : semua laman web yang disediakan oleh TomTom, yang anda boleh akses tanpa pendaftaran atau melog masuk lebih awal, termasuk, tetapi tidak terhad pada:

- www.tomtom.com
- www.routes.tomtom.com
- www.places.tomtom.com

Data Pengguna: kandungan yang anda muat naik pada Aplikasi, Platform, Produk, atau Perkhidmatan, termasuk komunikasi, bahan, data maklumat, pandangan, foto, profil, mesej, nota, pautan laman web, muzik, video, reka bentuk, grafik, bunyi, dan sebarang kandungan lain, kecuali setakat yang hak harta intelektual yang berkaitan dengan kandungan yang dinyatakan di atas adalah dengan TomTom atau kandungan yang dinyatakan di atas adalah sebaliknya milik TomTom, sekutunya atau pemberi lesennya.

Data Sumbangan Pengguna: sebarang Data Pengguna yang disumbangkan kepada TomTom melalui penggunaan Aplikasi, Platform, Produk atau Perkhidmatan, **tetapi hanya dalam hal TomTom mempunyai hak untuk menggunakan data ini** menurut kebenaran anda, maklumat produk berkaitan, Terma dan Syarat ini, dan/atau pernyataan privasi TomTom yang disediakan kepada anda oleh TomTom.